

14/02/2003

Cari jalan bawa IT ke desa

Penduduk Kecewa

PERDANA Menteri dalam ucapannya ketika merasmikan Menara Telekom di Kuala Lumpur, baru-baru ini, menyatakan masih ada kelemahan dalam sistem telekomunikasi negara sekarang.

Saya turut bersetuju dengan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berdasarkan tidak semua tempat di negara ini mendapat kemudahan telekomunikasi.

Pada ketika, pemimpin mahukan rakyat celik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), masih ada penduduk yang tidak dapat memenuhi tuntutan itu kerana masalah telekomunikasi.

Bagaimana hendak melayari internet kalau talian telefon pun tiada. Bagaimana hendak berkomunikasi jika kemudahan telekomunikasi tidak disediakan.

Saya adalah penduduk kampung di daerah Bau, Sarawak yang bertahun-tahun menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan telefon (PSTN) ke rumah.

Kampung saya terletak di tepi jalan utama yang menghubungkan daerah Bau dan Lundu. Untuk ke bandar raya Kuching, saya hanya perlu menunggang motosikal setengah jam. Maka bolehlah dikatakan kami mempunyai sistem pengangkutan jalan raya yang sangat baik.

Terima kasih kepada kerajaan negeri yang sangat prihatin kepada pembangunan sistem pengangkutan. Ia sungguh berbaloi dengan tindakan rakyat memilih kerajaan Barisan Nasional sebagai kerajaan negeri.

Apa yang membuat saya terkilan ialah perkhidmatan telekomunikasi yang diperlukan pada era ICT masih tidak sampai ke kampung saya dan beberapa kampung di Bau.

Masalah kos pemasangan kabel dikatakan sebab utama apabila masalah ini ditanya kepada ibu pejabat Telekom Malaysia Berhad di Batu Lintang, Kuching baru-baru ini.

Kenapakah alasan ini dari dulu hingga sekarang masih digunakan? Adakah tiada alternatif untuk menyelesaikan masalah ini? Kita mempunyai teknologi terbaru seperti penggunaan kabel gentian optik dan selular.

Telekom pernah mengesyorkan saya supaya melanggan perkhidmatan CDMA yang dikatakan terbaru dan tidak memerlukan kabel.

Perkhidmatan ini membolehkan pengguna mengakses ke internet dengan kadar perhubungan yang lebih pantas berbanding PSTN.

Bagaimanapun, mereka yang menelefon ke laluan CDMA akan dicaj dengan kadar yang lebih mahal berbanding PSTN. Selepas membuat langganan, juruteknik Telekom kemudian memberitahu sistem ini tidak dapat digunakan di kampung saya kerana isyarat liputan yang sangat lemah. Kalau ini masalahnya, mengapakah pula pihak di ibu pejabat Telekom membenarkan saya membuat langganan.

Ini menunjukkan pihak ibu pejabat Telekom di Batu Lintang sendiri tidak mempunyai butiran yang cukup berkenaan saiz liputan CDMA berkenaan.

Kalau begitulah keadaannya, saya bertanya juruteknik berkenaan kenapa tidak didirikan pemancar untuk menguatkan dan meluaskan lagi kawasan liputan. Adakah ia ada dalam perancangan atau tidak? Mereka berkata tidak tahu akan perkara itu dan menjelaskan liputan bagi CDMA hanya ada di sekitar bandar Bau dan kawasan berhampiran saja.

Mereka kemudian meminta saya merujuk semula ke Pejabat Batu Lintang dan jawapan yang sama juga diberikan. Kenapa baru sekarang mereka di ibu pejabat mengetahui perkara ini? Kenapakah perkara ini berlaku? Kenapakah liputan bagi CDMA ini hanya di kawasan bandar, sedangkan kawasan berkenaan

sememangnya sudah mempunyai talian tetap PSTN? Mungkin sebab menara Telekom hanya di bandar. Maka menara sudah menjadi alasan.

Jika diberi pilihan, saya rasa penduduk bandar akan memilih menggunakan PSTN kerana kos panggilan yang sama rata dan lebih murah. Dengan demikian penduduk luar bandar lebih memerlukannya dan saya rasa Telekom tahu perkara ini. Maka dirikanlah menara pemancar di kawasan yang mana pelanggan memerlukan di luar bandar.

Jika CDMA masih dalam ujian atau kajian, saya berpendapat hasil kajian akan lebih sesuai sekiranya diuji di kawasan luar bandar itu sendiri. Dalam keadaan ini Telekom mungkin mempunyai alasan sendiri. Memang akan timbul pelbagai masalah untuk melaksanakannya, tetapi seperti kata Perdana Menteri ia tidak mustahil untuk dilakukan.

Kami tidak tahu bila akan dapat menikmati kemudahan itu. Janganlah biarkan kami terus ketinggalan dalam menikmati segala rancangan dan kemudahan kerajaan.

Penduduk luar bandar turut mempunyai hak untuk menikmati kemudahan itu.
PENDUDUK KECEWA,
Bau, Sarawak.